



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	3/10/2019	MUKA SURAT	: 34
JABATAN	:	JMG		
KLASIFIKASI	:	MAKLUMAN		

Duta kecil Jerai Geopark

Kanak-kanak prasekolah dan murid dipilih jayakan program pelancongan

NURUL HIDAYAH HAMID

ALOR SETAR

Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) Kedah, Perlis dan Pulau Pinang (KPP) menyasarkan kanak-kanak prasekolah dan murid sekolah rendah tahap satu sebagai duta kecil dalam pelancongan di Jerai Geopark.

Penolong Pengarah Kanan JMG KPP, Nur Susila Md Saaid berkata, kumpulan muda itu disasarkan kerana dilihat mampu memberi impak yang lebih berkesan kepada Jerai Geopark.

Beliau yang juga Ketua Projek Jerai Geopark dan Perlis Geopark berkata, pihaknya melihat peranan mereka selaku duta kecil kerana mampu menarik ahli keluarga masing-masing untuk melancong di Jerai Geopark.

"Jerai Geopark yang terletak dalam daerah Yan dan Kuala Muda, Kedah dengan keluasan 501 kilometer (persegi) merupakan sebahagian khazanah negara yang tidak ternilai dan masih lagi terpelihara.

"Selain itu, Jerai Geopark memiliki nilai warisan geologi bertaraf antarabangsa dengan kepelbagaian batuan dan mineral



Susila (kanan) bersama Pengarah JMG KPP, Azhari Ahmad (tengah) bersama murid yang mengambil bahagian dalam pertandingan mencari harta karun di Jerai Geopark baru-baru ini.

yang tinggi serta nilai tamadun arkeologi Kedah Tua yang menjangkau usia melebihi 2,800 tahun sebelum Masihi," katanya.

Menurutnya, Jerai Geopark juga mempunyai nilai biodiversiti tinggi sebatian dengan peradaban dan budaya Kedah yang perlu diwarisi serta dimartabatkan komuniti Jerai Geopark untuk meningkatkan nilai ekonomi melalui peluang geopelancongan yang terbuka luas.

Sehubungan itu, katanya, pihaknya terus memperhebatkan aktiviti berkaitan Jerai Geopark.

"Terbaru kita mengadakan Program Jerai Geopark di Pameran Khazanah Hutan Negara yang bertempat di Amphitheater, Menara Kuala Lumpur dan Taman Eco Rimba Bukit Nanas, Kuala Lumpur selama tiga hari pada dua minggu lepas," katanya.

Beliau berkata, melalui program ini dapat memberi pendidikan awal berkaitan pemuliharaan geopark yang dilakukan dalam wilayah Jerai Geopark sekaligus menarik perhatian ramai berkaitan geopelancongan Jerai Geopark.